OGOS

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

# 2023

# BULETIN MAQIS









JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya,Malaysia.

www.maqis.gov.my maqismalaysia

# PENERIMAAN KEHADIRAN DAN PELANTIKAN BAHARU DI JABATAN MAQIS







**Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan dan diharapkan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk negara.**











# MAJLIS MEMPERINGATI NEGARAWAN TUN DR. ISMAIL AL-HAJ: TONGGAK PERPADUAN NEGARA DI DATARAN MERDEKA




2 Ogos 2023, W.P. Putrajaya – Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar Bin Sulaiman bersama sama dengan Pengarah Bahagian dan pegawai-pegawai MAQIS menghadiri ke Majlis Memperingati Negarawan Tun Dr. Ismail AL-Haj yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



# PROGRAM JOM KONGSI ILMU KESIHATAN ANJURAN BIRO KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR/KELESTARIAN HIJAU PUSPANITA CAWANGAN KPKM

**4 Ogos 2023, W.P. Putrajaya – Program Jom Kongsi Ilmu Kesihatan bertajuk Jantung Berhenti Mengejut, Apa Saya Perlu Buat? CPR? AED? Yang dirasmikan oleh Pengerusi PUSPANITA MAQIS, Dr. Putri Noorafedah binti Megat Tajudin.**






# BICARA SANTAI MAQIS SIRI 1/2023

**8 Ogos 2023, W.P. Putrajaya – Satu anjakan untuk pihak industri bagi mengenal secara dekat terhadap objektif yang ingin disampaikan Jabatan. Tujuan program adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelanggan MAQIS khususnya pemain industri, mendapatkan maklumbalas serta menyediakan solusi kepada pelanggan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh MAQIS dari aspek perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan serta pelepasan komoditi agromakanan dan pertanian di semua pintu masuk.**












# KURSUS CREATIVE PROBLEM SOLVING BAGI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA TAHUN 2023.

Objektif kursus ini merupakan salah satu daripada perancangan program di bawah Teras 4 , Pelan Strategik MAQIS 2022 - 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kapasiti modal insan MAQIS serta pengembangan jati diri keluarga MAQIS. Kursus yang berlangsung selama 3 hari, bermula 14 hingga 16 Ogos 2023 di Hotel The Grand Beach Resort, Port Dickson.










## PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG IBU PEJABAT MAQIS

22 Ogos 2023









# TINJUAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) MELALUI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

**28 Ogos 2023, Johor Bahru – Tinjauan YB Menteri KPKM, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu dan turut hadir bagi melancarkan tinjauan ini adalah, Shamsul Akbar bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS, Muhammad Abdullah Hatta, Chief Financial Officer(CFO) PelabuhanTanjung Pelepas, Edie Putra bin Md Yusof, Pengarah MAQIS negeri Johor serta wakil-wakil Jabatan/Agensi yang terlibat dalam aktiviti import dan eksport di bawah KPKM.**










# BENGKEL “RINGGIT SENTAP KASI MANTAP” ANJURAN UNIT INTEGRITI MAQIS

**29 Ogos 2023, Kuala Lumpur – Pengisian Bengkel disampaikan oleh Pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Bengkel ini bertujuan sebagai satu wadah pendedahan untuk menyusun atur kewangan supaya lebih sistematik dan seimbang. Disamping itu juga, memberi idea yang terbaik untuk memperbaiki struktur kewangan peribadi selaras dengan hasrat menjadikan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup warga MAQIS.**









## LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH DAN PENGARAH BAHAGIAN PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN KE PINTU MASUK DERMAGA TANJUNG LEMBUNG, LANGKAWI.






## TIMBALAN KETUA PENGARAH BERSAMA PENGARAH DASAR DAN PERANCANGAN MAQIS KE PINTU MASUK DAN STESEN KUARANTIN MAQIS PULAU PINANG








**19 Ogos 2023 – Timbalan Ketua Pengarah MAQIS , Dr. Azhari Sharidan Bin Abu Bakar bersama Pengarah Dasar dan Perancangan MAQIS, Pn. Zeti Hafiza Binti Zakaria, telah membuat lawatan ke Pintu Masuk dan Stesen Kuarantin MAQIS Pulau Pinang. Lawatan bertujuan memantau kemajuan kerja projek pembangunan MAQIS di Negeri Pulau Pinang.**

# LAWATAN KERJA PENGARAH MAQIS NEGERI MELAKA KE PINTU MASUK BATU PAHAT, JOHOR.

**21 Ogos 2023 – Lawatan bertujuan melihat dan memahami tatacara pengimportan kelapa dengan lebih dekat dan melihat sendiri proses awal hingga akhir pengimportan supaya pegawai lebih jelas tentang pengimportan konsainan berskala besar.**






# LAWATAN KERJA PEGAWAI BAHAGIAN IMPORT, EKSPORT DAN DATA (BIED) KE PINTU MASUK MAQIS DERMAGA AIR DALAM, PULAU PINANG.



**7 Ogos 2023 – Lawatan bertujuan melihat dan memahami tatacara pengimportan kelapa dengan lebih dekat dan melihat sendiri proses awal hingga akhir pengimportan supaya pegawai lebih jelas tentang pengimportan konsainan berskala besar.**






## PROGRAM / AKTIVITI MAQIS SELANGOR

**9 Ogos 2023 – Stesen Kuarantin Haiwan KLIA menerima lawatan dari Program Simulasi Table Top bagi pelajar lepasan ijazah MyOHUN. Lawatan ini memberi pendedahan tentang fungsi-fungsi MAQIS kepada para peserta.**





## PROGRAM / AKTIVITI MAQIS JOHOR





**Program Uji Cuba Garis Panduan Pemeriksaan dan Tindakan Kuarantin bagi konsaimen Import biji koko kering di pintu masuk pelabuhan Negeri Johor anjuran Lembaga Koko Malaysia bersama Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, DOA, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Program dijalankan selama 3 hari bermula 1 hingga 3 Ogos 2023**




**6 Ogos 2023 – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Johor mengadakan program bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran berkaitan risiko dan punca berlakunya rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa serta langkah pencegahan yang perlu diambil.**

## PROGRAM / AKTIVITI MAQIS KELANTAN







**Program Pemantapan bersama dalam aspek pemeriksaan dan penguatkuasaan Standard Operation Procedure (SOP) bagi pegawai penguatkuasa MAQIS Negeri Kelantan bertempat di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Johor selama 2 hari bermula 7 hingga 8 Ogos 2023**

# PROGRAM / AKTIVITI MAQIS KELANTAN

**28 Ogos 2023 – Sempena bulan Kebangsaan, MAQIS Negeri Kelantan telah menyeru warga kerja menjayakan program “Hiking Merdeka 2023”.**






# PROGRAM / AKTIVITI MAQIS PERAK

**4 Ogos 2023 - Lawatan dan aktiviti pemantauan di Jeti Malayan Flour Mills Berhad (MFMB), Lumut oleh Pengarah MAQIS Negeri Perak, Tuan Mohd Noor bin Hashim.**





## PROGRAM / AKTIVITI MAQIS KEDAH

**17 Ogos 2023 - Program tahunan MAQIS Kedah memasak bubur asyura berjaya diadakan dengan jayanya. Tujuan program diadakan tidak lain tidak bukan untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara pegawai maqis kedah.**








## PROGRAM / AKTIVITI MAQIS PAHANG/ TERENGGANU



**23 Ogos 2023 - Pemeriksaan bersama MAQIS Negeri Pahang dengan Jabatan Kastam, Jabatan Kesihatan Dan Kpc Berkaitan Dengan "Kuantan Port Halal Hub Project".**

# PROGRAM / AKTIVITI MAQIS MELAKA /NEGERI SEMBILAN




**14 Ogos 2023 - Majlis Perasmian pejabat baru bagi projek naiktaraf di pintu masuk MAQIS pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka. Lawatan turut dihadiri oleh Tuan Shamsul Akbar Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS serta Nora Dinah Bt Abd Rahman Pengarah Negeri Melaka (MAQIS) dan disertai bersama deligasi MAQIS yang lain bagi menjayakan program ini.**






# KERATAN AKHBAR


BERITA RTM

Wednesday, 30 August 2023

BERITA TERKINI

## Ikan hiasan dirampas kerana gagal isytihar permit import

August 30, 2023 Written by Media Baharu

Published in Semasa

***PADANG BESAR, 30 Ogos-*** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Perlis berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk ikan hiasan hidup iaitu ikan emas dari Thailand tanpa sebarang dokumen import yang sah.

Pengarah MAQIS Perlis Roslan Che At dalam kenyataannya, "ikan hiasan tersebut dijumpai semasa pemeriksaan dilakukan oleh pegawainya terhadap sebuah lori bernombor pendaftaran Malaysia di Unit Dagang dan Jalan Raya Kompleks ICQS Padang Besar.


Utusan Malaysia

LOG MASUK LANGGAN

## Maqis rampas 3,000 kg makanan haiwan dari Itali

SEBAHAGIAN konsainan makanan haiwan dari Itali yang disita oleh Maqis di pintu masuk Dermaga Air Dalam, Butterworth, Pulau Pinang hari ini kerana tidak mempunyai permit import yang sah.

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN 23 Ogos 2023, 1:56 pm


BERITA RTM

UTAMA NASIONAL SEMASA EKONOMI JENAYAH DUNIA SUKAN PILIHAN RAYA

BERITA TERKINI Pengedaran methamphetamine di Afghanistan meningkat

## Keratan ayam tidak patuhi syarat permit import ditahan

August 25, 2023 Written by Media Baharu Published in Jenayah

(FOTO MAQIS)

***BUKIT KAYU HITAM, 25 Ogos-*** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah, berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk keratan ayam sejuk beku yang tidak mematuhi syarat permit import di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Menurut Pengarah MAQIS Negeri Kedah, Hisham Abu Bakar, hasil pemeriksaan yang dilakukan di laluan kargo import mendapati 16,896 kilogram keratan ayam dari Thailand dianggarkan bernilai RM 132,168 cuba dibawa masuk.


NEGARA

## Maqis lucut hak 93 tan daging, ayam sejuk beku serah kepada Perhilitan

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM 28 Ogos 2023, 4:50 pm

Mohamad Sabu menyerahkan daging dan ayam sejuk beku yang telah dilucut hak kepada agensi berkaitan pada majlis penyerahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, hari ini

## SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**
SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah MAQIS

**PENASIHAT:**
DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR
Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

**KETUA EDITOR:**
REDHA ROZLAN

**EDITOR:**
NURMULIANIE